

Kuala Terengganu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu menahan tujuh nelayan warga Vietnam bersama sebuah bot kerana menangkap ikan secara haram di perairan negara, Sabtu lalu.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kapten Maritim Mohd Khairulanuar Abd Majid berkata, bot terbabit ditahan kira-kira jam 9 pagi di sekitar 135 batu nautika di timur laut Kuala Terengganu melalui operasi Op Naga Barat dan Op Kuda Laut.

"Aset maritim mengesan sebuah bot yang mencurigakan itu sedang menjalankan aktiviti penangkapan ikan dan ketika dihampiri

Tujuh nelayan asing Vietnam ditangkap

HM 17/1/2023 ms:9



BOT nelayan warga Vietnam yang ditahan Maritim Terengganu di sekitar 135 batu nautika di timur laut Kuala Terengganu.

mereka cuba melarikan diri.

"Namun, kapal operasi bertindak memintas dan menahan bot yang menggunakan nombor pendaftaran asing terbabit dan periksaan mendapati, tekong gagal mengemukakan dokumen lesen yang sah," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Khairulanuar berkata, kesemua tujuh kru termasuk tekong berumur 21 hingga 54 tahun ditahan selepas didapati tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri serta permit

pekerja asing sah. Kesemua warga Vietnam itu dihantar ke Maritim Negeri Terengganu untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, bot dan kesemua peralatan menangkap ikan, 150 kilogram ikan campur serta 100 liter diesel yang keseluruhannya dianggarkan bernilai RM1 juta di rampas.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana tidak memiliki sebarang lesen dan permit kerja untuk melakukan pengoperasian penangkapan hasil laut di perairan negara dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.